**RIDER MANFAAT HOPSPITAL- HOSPITAL BENEFITS**

Melalui rider ini, peserta akan mendapat manfaat harian sekiranya dimasukkan ke hospital akibat kemalangan atau penyakit. Peserta akan menerima manfaat harian berdasarkan bilangan hari dimasukkan kedalam wad dan bergantung kepada jumlah manfaat yang dipilih oleh peserta.

Peserta harus diingatkan bahawa manfaat ini bukan untuk menampung apa-apa kos rawatan atau bil perubatan, sebaliknya merupakan manfaat harian sahaja.

| | |
|---|---|
| Skop Perlindungan: | Kemasukan ke hospital kerajaan atau Pusat Rawatan berlesen yang diluluskan oleh *ETIQA* atas cadangan dan kelulusan doctor/pakar bedah yang bekelayakan akibat kemalangan atau penyakit. |
| Tempoh Penyertaan: | Secara tahunan dengan opsyen pembaharuan atas persetujuan kedua-dua pihak dan tidak boleh melebihi tempoh pelan asas atau had tempoh rider ini (yang mana terdahulu) |
| Tempoh dan Lat Sumbangan: | Kekerapan bayaran dan tempoh adalah mengikut pelan asas atau hingga peserta berumur 60 tahun (mana yang terdahulu) |
| Penamatan Kontrak: | Kontrak ini akan ditamatkan secara automatik skiranya:<br>1. Sumbangan untuk Kontrak tambahan dan/ atau Kontrak Asas tidak dijelaskan pada penghujung Tempah Tenggang; atau<br>2. Kontrak Asas itu matang, diserahkan atau dibatalkan; atau<br>3. Apabila Peserta mencapai umur 60 tahun; atau<br>4. Peserta itu mati atau mengalami keilatan menyeluruh dan kekal |
| Had Umur Penyertaan: | Minimum 6 bulan<br>Maksimum 55 tahun (tarikh lahir akan datang) |
| Had Manfaat Perlindungan: | Minimum RM10 sehari dan tidak melebihi 10% sumbangan tahunan asas atau RM400 sehari untuk dewasa dan RM200 untuk Juvana. |
| Pengendalian Sumbangan: | 100% ditabarukkan ke dalam Akaun Khas Peserta. |
| Kelayakan Tuntutan: | Dimasukkan kehospital sekurangnya (6jam).Amaun manfaat akan dikira dari hari pertama dimasukkan ke hospital, dan terhad sehingga 365 hari sahaja(had seumur hidup) |

Notis Tuntutan: Notis bertulis hendaklah dikemukan kepada *ETIQA* dalam tempoh 60 hari keluar (discaj) hospital.

Mudharabah: Sebarang lebihan di penghujung tempoh Pelan Takaful Asas dari Akaun Khas Peserta akan dikongsi antara Syarikat dan peserta pada kadar 50:50 dengan syarat tiada tuntutan dibuat atas kontrak rider.

Risiko yang dikecualikan:

1. Pencerobohan dan tindakan negara asing, Persengketaan (samaada perang yang diistiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, kebangkiran revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa, rusuhan, kegemparan umum, serangan oleh perompak atau pengganas.

2. Apabila Peserta membunuh diri atau cuba untuk membunuh diri (sama ada secara sebab jenayah atau tidak) atau mencederakan diri sendiri (sama ada waras atau tidak) atau dalam pengaruh alkohol atau dadah, sama ada secara tidak sedar atau berniat atau menyedut atau menggunakan racun, gas atau wap beracun.

3. Semasa orang yang dilindungi terlibat dalam perkhidmatan penerbangan, pengendalian sebarang peralatan pengangkutan udara bagi tujuan perdagangan, profesion atau hobi atau sebagai krew penerbangan atau semasa terlibat dalam aktiviti payung terjun atau luncur udara atau sebarang aktiviti udara selain daripada menjadi anggota tentera atau polis udara kecuali sebagai juruterbang atau krew atau penumpang dalam penerbangan tentera atau polis yang sah dan rasmi atau sebagai juruterbang atau ahli krew atau penumpang berbayar dalam penerbangan komesial yang berjadual serta melalui laluan tetap;

4. Jika hilang upaya, kecederaan atau penyakit itu wujud pada tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh ia dihidupkan semula, yang mana berlaku kemudian;

5. Terlibat dalam aktiviti haram atau jenayah, penyertaan dalam sebarang pergaduhan atau sengaja mencari punca;

6. Aktiviti meluncur air atau sebarang aktiviti penyelaman yang memerlukan alat bantuan penafasan; atau sebarang perlumbaan berkuda atau beroda;

7. Terdedah kepada bahaya nuklear, peralatan nuklear atau pencemaran radio aktif.

8. Menghidap sindrom kurang daya tahan penyakit (aids, atau sebarang penyakit berkaitan aids, penyakit kelamin yang berjangkit, kehamilan, melahirkan anak, pengguguran anak, keguguran atau dari akibat darinya;

9. Semasa bertugas terlibat sebagai anggota tentera darat, lut atau polis.

10. Menghidap hernia, ptomaines, atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogeenic yang terjadi melalui dan akibat kemalangan atau luka;

11. Sebarang aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang syariah

***Nota penting**: Manfaat ini hanya akan mula berkuatkuasa selepas temph 3 bulan dari tarikh sijil dikeluarkan atau dikuatkuasakan semula (reinstatement), kecuali atas sebab-sebab kemalangan.*

*Kemasukan hospital diluar malaysia tidak dilindungi dibawah rider ini.*